

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,
Saudara/Saudari,

HEBAHAN 22/2/2021

SOP DAN MAKLUMAT KEMASUKAN PELAJAR PPKEE KE KAMPUS BAGI SEMESTER 2, SA 2020/2021

- 1) Pelajar perlu masuk dan keluar mengikut tarikh yang telah dihebahkan dalam jadual makmal & FYP serta senarai nama melalui emel (bagi kes akses).
- 2) Setiap kemasukan perlu menjalani kuarantin 10 hari yang akan diselaraskan oleh pihak Pengurusan Desa dan Nerve Centre.
- 3) Semua pelajar perlu mengisi Borang A secara atas talian yang boleh diakses melalui Campus Online masing-masing dan juga Deklarasi Saringan Risiko Covid-19 (rujuk manual pelajar).
- 4) Borang A perlu dicetak untuk urusan kemasukan ke kampus dan juga untuk mendapatkan kelulusan Balai Polis bagi tujuan merentas Daerah/ Negeri.
- 5) Bersama-sama ini dimajukan juga Carta Alir dan Manual Pelajar untuk rujukan dan susulan pengisian Borang A.
- 6) Pelajar kategori 1 (makmal/FYP/F2F), sila pastikan tarikh masuk dan keluar adalah mengikut jadual hebahan dan maklumat diisi dengan tepat.
- 7) Pelajar kategori 2 (masalah akses) perlu meletakkan tarikh masuk mengikut senarai yang diemel manakala tarikh keluar adalah tarikh akhir semester 2.
- 8) Sebarang permohonan untuk tinggal lebih lama daripada tarikh asal tidak dapat diperakukan pada masa ini atas kekangan kapasiti desasiswa. Sebarang perubahan terhadap perkara ini adalah berdasarkan situasi semasa nanti.

Sekian untuk makluman dan perhatian. Terima kasih.

-PENGURUSAN PPKEE-